

# **HUBUNGAN TRADISI KERAJAAN PA’TANI DENGAN HUJONG TANAH (JOHOR) MELALUI IKATAN PERKAHWINAN DAN PERANG DINGIN**

**Mohd Izwan Izhar Haris**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

mohdizwan@unimap.edu.my

**Mohd Kasturi Nor Abd Aziz**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

kasturi@unimap.edu.my

**Abdul Rahman Abdul Manaf**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

rahmanmanaf@unimap.edu.my

**Nor Hudi’in Danu @ Danoo**

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

norhudin@unimap.edu.my

## **Abstrak**

Hubungan kerajaan Melayu Pa’tani dengan Johor sudah lama terjalin sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada akhir kurun ke-15. Selepas kota kejatuhan Melaka kepada kuasa Portugis pada tahun 1511, Kesultanan Melayu Melaka telah berpindah ke Pahang, Bentan dan Kampat sebelum ke Hujong Tanah (Johor) pada masa pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Syah II. Baginda meneruskan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan di Alam Melayu termasuk Pa’tani. Jalinan ukhwah antara Johor dengan Pa’tani telah berlangsung secara baik namun kadangkalanya berlaku dingin seperti ibarat “*angin bertiup sepoi-sepoi bahasa begitu menyamankan dan sesekali bertiup kencang seperti angin ribut*”. Tali persaudaraan antara kedua-dua kerajaan ini berlangsung melalui ikatan perkahwinan kerabat diraja sebanyak tiga kali namun pernah retak melalui medan perang dingin sebanyak dua kali sekitar tahun 1547-1709. Hubungan Pa’tani-Johor juga turut terjalin melalui penyebaran dakwah Islam, perkembangan bidang bahasa dan kesusteraan serta kebudayaan Melayu. Kertas kerja ini akan menghuraikan sejauhmanakah hubungan tradisi antara kerajaan Patani dengan Johor berlangsung dengan merujuk beberapa buah manuskrip Melayu.

**Kata kunci:** *Pa’tani, Johor, perkahwinan, perang & manuskrip Melayu*

## **HUBUNGAN TRADISI KERAJAAN PA’TANI DENGAN HUJONG TANAH (JOHOR) MELALUI IKATAN PERKAHWINAN DAN PERANG DINGIN<sup>1</sup>**

### **PENDAHULUAN**

#### **Selayang Pandang Kerajaan Melayu Patani (1500-1902M)**

Kemunculan Patani sebagai sebuah kerajaan yang tersendiri dikatakan seiring dengan zaman kerajaan Langkasuka pada sekitar kurun ke-7 M. Institusi beraja bercorak Islam pula bertapak di Patani dengan pengasasnya iaitu Sultan Ismail (Phaya Tu Naqpa) pada sekitar tahun 1500M (Siti Hawa Salleh, 1992:1-3; Muhammad Yusoff Hashim, 1988; Teeuw, A & Wyatt, D.K., 1970). Patani juga mula menjadi lokasi tumpuan para peniaga Islam selepas Melaka jatuh kepada kuasa Portugis. Zaman kegemilangan Patani pula berlangsung pada sekitar tahun 1584 hingga 1686 di bawah pemerintahan Raja Perempuan yang terdiri daripada Raja Hijau, Raja Biru, Raja Ungu dan Raja Kuning. Malah, Patani menjadi salah sebuah pusat perdagangan penting di Asia Tenggara dan pusat perkembangan Tamadun Melayu yang terkenal daripada kesan kestabilan politiknya (Mohd. Zamberi A. Malek, 1994). Kemampuan Patani sebagai sebuah kerajaan Melayu yang berdaulat teruji dengan berhadapan serangan pihak Siam beberapa kali namun berjaya dipatahkan. Kejayaan Patani ke atas Siam telah membuktikan kemampuannya sebagai sebuah kerajaan Melayu yang unggul pada satu ketika dahulu. Kekuatan Patani dalam sistem pertahanan turut diakui dalam Hang Tuah (Kassim Ahmad, 1973). Hubungan kekeluargaaan dengan Sultan Johor juga turut membantu Patani dalam usaha mengukuhkan kuasanya di kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu sehingga mampu menguasai kerajaan Kelantan, Terengganu, Hulu Perak, Singgora dan Pattalung (Mohd. Zamberi A. Malek, 2006: 122) .Selain itu, Patani juga telah menjadi pusat perkembangan Islam yang penting pada sekitar kurun ke-15 hingga kurun ke-17.

Menjelang tahun 1780-an, Patani mula mengalami zaman kemerosotan kesan kedatangan kuasa asing seperti British yang mula mencampuri urusan politik di Semenanjung Tanah Melayu serta ancaman daripada serangan kuasa Siam yang berpusat di Bangkok (Bougas, F.R., 2009). Serangan Siam terhadap Patani telah berlaku pada tahun 1786

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

mengakibatkan Patani mengalami kekalahan dan kehilangan sebahagian besar tentera dan rakyat. Walaupun, Patani cuba bangkit menentang kuasa Siam pada tahun 1787, 1791, 1832 dan 1838 namun gagal mengalahkannya. Kesannya, Patani telah mengalami zaman kejatuhan dan mula dikuasai oleh Siam. Akhirnya, pada sekitar tahun 1894 hingga 1902, kerajaan Patani telah mengalami era keruntuhan kesan daripada serangan dan campur tangan yang berterusan daripada kuasa Siam dalam urusan pemerintahannya (Nathan Porath, 2011: 45-65).

### **Selayang Pandang Kesultanan Melayu Johor-Pahang-Riau-Lingga (1528-1728)**

Kesultanan Johor telah diasaskan oleh Raja Ali, putera Sultan Mahmud Shah Melaka. Baginda menggunakan gelaran sebagai Sultan Alauddin Riayat Syah memerintah Johor pada sekitar tahun 1528 hingga 1564 (Abdullah Zakaria Ghazali, 1999). Pusat pemerintahan Johor yang pertama di Pekan Tua iaitu Hulu Sungai Telor (Mardiana Nordin, 2015: 1-2). Sultan Johor juga menganggap dirinya sebagai Raja Hujung Tanah dan Bentan. Era Kesultanan Johor terbahagi kepada tiga era pemerintahan iaitu pemerintah Johor berketurunan Kesultanan Melaka, pemerintahan Kesultanan Keluarga Bendahara dan pemerintahan Kesultanan Keluarga Temenggung. Kepimpinan kerajaan Johor ini telah beberapa kali bertukar kuasa dan keluarga namun tidak menjelaskan kedudukan dan kedaulatan sultannya walapun berbeza keturunan mereka lantaran semua wangsa ini berketurunan raja dengan keabsahan daulat masing-masing.

Pada awal pemerintahan Johor, Sultan Alauddin Riayat Syah telah menghadapi saingan dengan beberapa kuasa di selat Melaka menyebabkan berlakunya perang segi tiga iaitu dengan pihak Portugis di Melaka dan kerajaan Aceh di Sumatera. Peperangan ini berlaku atas faktor perebutan kuasa untuk menguasai urusan perdagangan di Selat Melaka dan telah berlarutan selama 100 tahun (1536-1636) (Andaya, L.Y., 1987: 30). Menjelang awal kurun ke-17, satu permulaan zaman kegemilangan Johor dalam perkembangan sesebuah kerajaan yang berdaulat. Penubuhan Syarikat Hindia Timur atau VOC. Syarikat Hindia Timur Belanda atau lebih dikenali sebagai V.O.C. (Vereenigde Oostindische Compagnie) untuk menguasai perdagangan bijih timah dan era kejatuhan kerajaan Aceh telah menjadi pemangkin kepada kebangkitan Johor sebagai sebuah kerajaan Melayu yang kuat dan maju. Wilayah Johor adalah terdiri daripada Sungai Kelang, Sungai Penagi (Kuala Linggi), Sungai Siak, Sungai Kampal, Bengkalis, Ungaran, Pulau-pulau Karimun, Bulang, Bentan, Lingga

dan pulau-pulau sekeliling, Pulau Singapura, Rio Farmosa ( Sungai Batu Pahat) dan Muar. (Andaya, L.Y., 1987: 49). Kedatangan kuasa Belanda ke Melaka telah memberi satu cabaran besar kepada pihak Portugis. Kerajaan Johor telah bertindak menandatangani perjanjian dengan kuasa Belanda seterusnya mengubah arus politik di Selat Melaka.

Kesan daripada hubungan luar dengan pihak Belanda membolehkan Johor kembali menjadi pusat pentadbiran dan ekonomi alam Melayu yang berkembang dengan peningkatan perdagangan yang dijalankan. Kemunculan Belanda di Johor menjadikan kawasan di Selat Melaka menjadi kawasan yang penting bagi pertumbuhan perdagangan antarabangsa antara Barat dan Timur dimana kerajaan Johor di Riau menjadi pemangkinnya. Buktinya pada tahun 1661, para saudagar dari China telah membawa pelbagai jenis kain termasuk buatan Barat untuk diniagakan di Johor dari pantai Koromandel, India (Buyong Adil, 1971: 73).

Selain kecekapan sistem pentadbiran dan keuntungan dalam urusan perdagangan, hubungan diplomatik juga turut membantu mengukuhkan kuasa Johor sebagai sebuah kerajaan Melayu yang berdaulat. Johor pernah bekerjasama dengan Palembang, Jambi, Inderagiri, Kampar dan Siak semasa menghadapi serangan Aceh dan Portugis. Pada tahun 1629, Johor mula menjalinkan hubungan diplomatik dengan Patani dengan sesi lawatan Sultan Abdul Jalil (Raja Bujang) ke Patani pada tahun 1639 diikuti lawatan balas Raja Patani ke Johor pada tahun 1641. (Buyong Adil, 1971: 71). Hubungan Johor-Patani telah diperkuuhkan dengan ikatan perkahwinan diraja sebanyak tiga kali.

Menjelang tahun 1699, pemerintah Johor dari keturunan Sultan Melaka iaitu sultan Mahmud Syah II telah mangkat kemudiannya digantikan oleh bendaharanya yang menggunakan gelaran sebagai Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV. Pada tahun 1718, istana Johor sedang menghadapi konflik dalaman dengan Raja Kecil dari Siak kemudianya berjaya menaiki takhta dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah (1718-1722). Namun, tempoh pemerintah baginda tidak lama dan kemudiannya telah digulingkan. Takhta Johor kembali kepada keturunan Sultan Abdul Jalil yang bernama Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (Mardiana Nordin, 2015: 17).

Berdasarkan beberapa sumber tempatan, hubungan tradisi Patani dengan Johor secara umumnya adalah bersifat persaudaraan Melayu-Islam dan juga berkaitan dengan urusan perdagangan serantau. Hubungan antara kedua-dua kerajaan ini sering kali berubah kadang kalanya baik dan kadang kalanya dingin. Keadaan ini terbukti dengan ikatan perkahwinan

kerabat diraja dan perang dingin antara Patani-Johor yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu pada tahun 1547-1613, 1624-1645 dan 1677-1718.

### **Hubungan Patani-Johor, 1547-1613**

Hubungan luar Patani dengan Johor telah bermula pada pertengahan kurun ke-16. dengan keadaan yang kurang menyenangkan dan agak dingin. Permusuhan antara kedua-dua kerajaan hampir menyebabkan berlakunya perperangan di Kepulauan Alam Melayu. Pada tahun 1547, satu rancangan menyerang Patani telah dibuat oleh Sultan Alauddin Riayat Shah I yang memerintah kerajaan Johor ketika itu dengan dibantu oleh Sultan Muzaffar Shah I (Perak) dan Sultan Mahmud Shah II (Pahang). Pakatan ini telah berjaya menyediakan satu angkatan perang bertempat di Sungai Johor yang dilengkapi alat pengangkutan namun serangan terhadap Patani tidak pula dilancarkan (Mohd. Zamberi A. Malek, 2006: 96)

Hubungan kedua-dua kerajaan ini kembali pulih dan beransur baik apabila satu ikatan perkahwinan kerabat diraja dilangsungkan antara Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Shah II (1571-1597) dengan salah seorang puteri Raja@Sultan Patani. Melalui ikatan perkahwinan ini, kedua-dua kerajaan kembali menjadi sekutu kuat dalam menghadapi musuh luar. Sumber lain pula menyatakan Raja Siak (Raja Hassan), putera Sultan Johor ketika itu yang berkahwin dengan puteri berkenaan kemudiannya mendapat seorang putera yang dinamakan sebagai Tun Bambang, anak saudara Raja Seberang (Raja Abdullah) dan Sultan Johor (A. Samad Ahmaad, 2008; Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud, 2008). Namun, hubungan mesra kedua-dua kerajaan ini mula renggang apabila pihak Johor bertindak memusuhi Patani. Permusuhan ini dikatakan berpunca daripada perbuatan kurang sopan adinda Raja Siak terhadap isteri baginda. Raja Siak telah bertindak membunuh kedua-dua individu ini. Perbuatan Raja Siak ini telah mempengaruhi istana Patani untuk bertindak membunuhnya. Peristiwa ini telah menyebabkan hubungan dingin kedua-dua kerajaan menjadi tegang, namun ia tersekat disebabkan kedudukan kedua-duanya terpisah jauh di utara dengan selatan Semenanjung Tanah Melayu (Mohd. Zamberi A. Malek, 2006: 97).

Kesan kematian Raja Siak di Patani mempengaruhi tindakan Raja Seberang untuk menuntut bela dengan memohon bantuan pihak Belanda pada tahun 1602 (Andaya L.Y., 1987). Ketika itu, Johor berada di bawah pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II mula menjalin hubungan luar yang mesra dengan pihak Belanda. Hubungan ini telah menimbulkan

perasaan rasa kurang senang dari pihak Portugis di Melaka. Raja Seberang telah mengemukakan permintaan kepada pihak Belanda untuk mendapatkan bantuan dan sekutu untuk menyerang Patani. Dua orang pembesar Johor telah diutuskan ke Belanda bagi mendapatkan persetujuan dan bantuan secara langsung, namun gagal. Pihak Belanda terpaksa menolak permintaan berkenaan atas sebab tidak mahu menimbulkan sebarang krisis dengan kerajaan tempatan bagi memastikan sebarang urusan perdagangan di Kepulauan Melayu berjalan lancar. Raja Seberang amat kecewa dengan keputusan yang dibuat oleh pihak Belanda namun baginda masih meneruskan rancangan untuk menyerang Patani bagi menuntut bela atas kematian ahli keluarga di sana. Pihak Belanda sebenarnya mempunyai satu perancangan yang besar dan berisiko untuk mengalahkan musuhnya, Portugis di Melaka.

Pada tahun 1606, pihak Belanda telah menghantar sebuah angkatan laut ke Johor yang dipimpin oleh Laksamana Matelief de Jonge. Kehadiran angkatan perang ini memberi peluang keemasan kepada Raja Seberang (Raja Abdullah) untuk kembali bekerjasama dengan pihak Belanda. Kesungguhan Raja Seberang ditunjukkan dengan penyediaan sejumlah angkatan perang Johor membantu pihak Belanda yang terdiri daripada 8,000 orang tentera dan 50 buah kapal serta sampan perang. Angkatan perang pakatan Johor-Belanda ini telah bertindak mengepung Melaka selama 3 bulan dan berlaku perperangan yang sengit namun pakatan ini gagal mengalahkan pihak Portugis dan menawan kembali Melaka.

Kegagalan serangan ini memaksa angkatan perang pakatan Johor-Belanda berundur ke Batu Sawar bagi mengumpul kembali kekuatan (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 98) Pada ketika itulah, Raja Seberang telah berusaha untuk mempengaruhi laksamana Belanda untuk membantu baginda menyerang Patani namun gagal. Walaupun Raja Seberang cuba menawarkan pembahagian rampasan perang sama rata sekiranya serangan itu berjaya dilakukan namun pihak Belanda terpaksa menolaknya. Penolakan ini disebabkan angkatan perang Belanda telah mengalami kemasuhan dengan kehilangan dua buah kapal perang dan sejumlah tentera kesan pertempuran dengan pihak Portugis di Melaka. Keputusan pihak Belanda ini amat mengecewakan pihak Johor yang berhasrat untuk menundukkan kerajaan Patani. Selang setahun, pihak Portugis di Melaka kembali melancarkan serangan balas terhadap Johor atas tindakannya membantu pihak Belanda.

Pada tahun 1609, sebuah angkatan laut Belanda berjumlah 13 buah kapal perang tiba di Johor untuk kembali menyerang pihak Portugis di Melaka. Kehadiran angkatan perang ini telah memberi nafas baru dan peluang kepada Johor untuk sekali lagi untuk melancarkan

serangan besar-besaran terhadap Patani. Sultan Alauddin telah bertindak menghadiahkan sejumlah besar wang, rempah ratus dan timah hitam kepada pihak Belanda semata-mata untuk menarik perhatian dan mendapatkan bantuan ketenteraan. Satu perjanjian persahabatan telah ditandatangani oleh pihak Johor dengan Belanda bagi mengukuhkan lagi hubungan. Pihak Belanda melalui Laksamana Pieter Verhoeff telah memohon kebenaran untuk menempatkan angkatan perangnya di Johor bagi menghadapi sebarang serangan daripada pihak Portugis di Melaka. Sultan Johor menolak permohonan berkenaan kecuali pihak Syarikat Hindia Timur Belanda bersedia membantu baginda menyerang Patani melalui sepucuk surat rasmi.

Setakat ini, pihak Johor telah berusaha memujuk pihak Belanda membantunya menyerang Patani beberapa kali namun gagal. Kesungguhan pihak Johor memohon bantuan ini kerana ketidakmampuan untuk menghadapi pihak Patani secara bersendirian. Pihak Belanda pula terpaksa menolak permohonan berkenaan sebanyak tiga kali atas sebab kepentingan hubungan perdagangannya dengan pihak Patani yang begitu menguntungkan berbanding urusannya di Johor (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 99). Namun, rancangan pihak Johor menyerang Patani tergendala kerana pada tahun 1613, pihak Aceh yang diketuai oleh Sultan Islandar Muda Mohkota Alam telah menyerang, memusnahkan penempatan di Johor, Malah angkatan perang Aceh telah menahan Sultan Johor, kaum kerabat diraja, para pembesar utama dan rakyat jelata kemudiaannya dibawa ke Aceh sebagai tawan perang. Kesannya, hubungan Johor dengan Patani telah terputus dan berhenti selama 10 tahun.

### **Hubungan Patani-Johor, 1624-1645**

Pada tahun 1624, kerajaan Patani telah diperintah oleh Raja Ungu, permaisuri kepada Marhum Sultan Abdul Ghafur Mohaidin Syah yang memerintah Pahang (1590-1614) yang merupakan sebahagian daripada wilayah kekuasaan Johor. Baginda telah diberi gelaran sebagai Raja Perempuan Patani ketiga selepas kemangkatan Raja Hijau dan Raja Biru. Baginda memiliki pengalaman luas dalam bidang pemerintahan dan hubungan luar dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain selama 30 tahun semasa berada di Pahang dahulu. Perkahwinan Raja Ungu (Paduka Sultanah Syah Alam) dengan Sultan Abdul Ghafur Muhiudin juga melancarkan lagi proses pengukuhan kerajaan Melayu dan urusan perdagangan serantau. Hasil perkahwinan ini, lahirlah seorang puteri bernama Raja Kuning. Pengalaman inilah yang banyak membantu baginda dalam urusan istana sepanjang

menduduki takhta Patani. Hubungan Patani-Johor telah kembali pulih atas usaha baginda untuk berbanik-baik dan diterima oleh Sultan Abdul Jalil Syah III (1623-1677).

Sepanjang tempoh pemerintahan Raja Ungu, baginda sering menerima ancaman daripada pihak Siam. Baginda terkenal dengan keberanian melawan kuasa Siam dibuktikan dengan tindakannya memutuskan pertunangan puterinya, Raja Kuning dengan anak pembesar utama Siam bernama Apya Deca dari Patalung kemudiannya ditunangkan dengan putera Sultan Johor (Mohd. Zamberi A. Malek, 2006: 100). Hasil perkahwinan ini telah mengukuhkan lagi hubungan Patani-Johor, malah berjaya mempertahankan kedaulatan Patani dari ancaman Siam beberapa kali. Raja Ungu juga jelas mengamalkan sikap menentang kuasa Siam dengan tidak menggunakan gelaran *Raja Nang Cao Yang/Peracau*. Selain itu, baginda turut memusuhi kuasa asing seperti Sepanyol, Belanda dan Potugis dengan bertindak mengadakan pakatan bersama dengan kerajaan-kerajaan Melayu yang lain bersatu dalam menghadapi ancaman luar. Pada tahun 1634, satu siri peperangan telah meletus antara kerajaan Patani yang dibantu oleh Johor dan Pahang menentang kuasa Siam yang disokong oleh pihak Belanda (Bradley , F.R., 2009: 267-293). Dalam pertempuran itu, kuasa Siam dapat disekat dan dikalahkan. Berakhirnya perang tersebut, Raja Kuning telah dikahwinkan dengan Yang Dipertuan Johor. Ikatan perkahwinan antara kerabat diraja ini jelas mengukuhkan lagi hubungan politik antara kedua-dua kerajaan. Berdasarkan sumber tempatan, Patani telah mencapai tahap kemuncaknya sebagai sebuah kerajaan Melayu yang gemilang dan kuat pada zaman pemerintahan Raja Ungu dan Raja Kuning (Muhammad Yusoff Hashim, 1988).

Pada tahun 1635, Raja Kuning telah menaiki takhta Patani mengantikan bondanya Raja Ungu dan memerintah selama 50 tahun. Pihak Patani-Johor sentiasa berusaha mengukuhkan hubungan antara kedua-dua pihak. Pada tahun 1641, Sultan Abdul Jalil dan rombongan diraja telah melawat Patani. Rombongan diraja ini berada di Patani selama tiga bulan (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 101). Menjelang tahun 1645, hubungan kedua-dua kerajaan mula dingin kesan peristiwa pembunuhan seorang wanita bernama Dang Sirat oleh Yang Dipertuan Johor. Yang Dipertuan Johor dikatakan malu dengan perbuatannya bertindak pulang ke Johor secara tergesa-gesa. Ahli keluarganya telah ditinggalkan yang terdiri daripada bonda, Yamtuan Muda Raja Bajau dan para pengikutnya. Malah, khabar angin yang kurang baik telah didengari oleh rakyat Johor mengatakan rombongan diraja yang ditinggalkan di Patani telah dibunuh.

Berita berkenaan telah menyebabkan Sultan Johor naik murka dan memerintahkan satu angkatan perang yang diketuai oleh Laksaman Seri Paduka Raja untuk bersiap sedia menyerang Patani (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 102). Pihak Patani pula dikatakan tidak menyedari tentang perkembangan yang baik telah berlaku di Johor. Malah, istana Patani juga telah mengirimkan berita mengenai kehamilan Permaisuri Patani kepada Sultan Johor. Pada penghujung tahun 1645, rombongan diraja Johor yang ditinggalkan di Patani telah kembali dengan selamat. Istana Patani pula bertindak menerangkan keadaan sebenar kepada pihak Johor. Kesannya, hubungan Patani-Johor yang dingin sebelum ini kembali pulih dan dieratkan dengan ikatan perkahwinan kerabat diraja.

### **Hubungan Patani-Johor, 1677-1728**

Menjelang tahun 1670-an, hubungan antara kerajaan Patani dengan Johor semakin erat ekoran perpindahan sejumlah rakyat kedua-duanya. Perkembangan ekonomi juga semakin baik. Johor pada ketika ini diperintah oleh Raja Ibrahim Syah (Andaya, L.Y., 1987: 54-55). Patani pula diperintah oleh Raja Kuning dan Raja Bakal. Keluarga Laksamana Paduka Raja Tun Abdul Jamil pula menguasai jawatan penting dalam pentadbiran Johor dan mengatasi kuasa Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid. Krisis politik Johor ini turut melibatkan Patani. Terdapat khabar angin yang menyatakan Tun Abdul Jamil berusaha menjatuhkan Tun Habib Abdul Majid dengan bertindak mengupah orang Patani untuk membunuhnya (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 103). Berita yang lain pula menyatakan sebuah angkatan perang Patani yang diketuai oleh menantu Tun Abdul Jamil akan meyerang Johor. Angkatan perang Patani juga turut mendapat bantuan daripada Laksamana dan Temenggung Johor. Persaingan kuasa antara kedua-dua individu ini berakhir dengan kematian Tun Abdul Jamil di Terengganu. Bendahara Tun Habib Abdul Majid kembali berkuasa (Buyong Adil, 1971:89-90). Maka berakhirlah satu lagi episod perang dingin antara Patani-Johor dan kembali pulih menjelang tahun 1690-an. Tun Zainal Abdidin, putera Tun Habib Abdul Majid menjadi anak angkat kepada Raja Mas Jayam yang memerintah Patani sekitar tahun 1707, kemudian dikahwinkan dengan adindanya bernama Nang Rogaiyah. Ikatan perkahwinan ini adalah yang ketiga dalam sejarah hubungan tradisi Patani-Johor.

Pada tahun 1709, kuasa Siam bertindak menyerang Patani. Hasil hubungan tradisi Patani-Johor yang bersifat kekeluargaan dan persaudaraan Islam, bantuan ketenteraan dari selatan Semenanjung Tanah Melayu telah dihantar untuk membantu Patani. Pertempuran

antara Siam-Patani telah memakan masa hampir dua minggu, akhirnya pakatan Patani-Johor berjaya mengalahkan Siam (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 104). Semasa Johor diperintah oleh Sulaiman Badrul Alam Shah (1722–1760), ayah saudaranya, Tun Zainal Abidin telah ditabalkan sebagai Sultan Terengganu pertama. Majlis pertabalan itu telah dihadiri oleh ayah mertuanya, Raja Mas Jayam Patani. Peristiwa ini merupakan satu kesinambungan hasil iaktan perkahwinan kerabat diraja Patani-Johor.

Selain daripada ikatan perkahwinan kerabat diraja Patani-Johor, peranan rakyat jelata kedua-dua kerajaan juga memainkan peranan tersendiri yang unik dalam pengukuhan hubungan tradisi. Perhijrahan rakyat Johor ke Patani dan rakyat Patani pula menetap di Johor banyak membantu proses pertumbuhan ekonomi yang sihat. Kegiatan dakwah Islam antara kedua-dua pihak juga mempengaruhi semangat berjuang dalam kalangan orang Melayu dalam menentang kuasa asing. Malah ramai para ulama Patani yang bertanggungjawab menyebarkan syiar Islam di Kepulauan Alam Melayu sehingga kurun ke-19 (Jelani Harun, 2015: 196). Malah, penggunaan nama gelaran seperti Wan, Chek, Nik dan Tuan adalah salah satu warisan Melayu Patani-Johor (Mohd.Zamberi A. Malek, 2006: 105).

## KESIMPULAN

Konklusinya, Hubungan kerajaan Patani dengan Johor sudah lama terjalin sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada akhir kurun ke-15 sehingga awal kurun ke-18. Selepas kota kejatuhan Melaka kepada kuasa Portugis pada tahun 1511, Kesultanan Melayu Johor (Hujong Tanah berpusat di Pekan Tua telah meneruskan legasinya di bawah pemerintahan Sultan Alaudin Riayat Syah II. Hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan di Alam Melayu termasuk Pa'tani diteruskan sehingga kurun ke-19. Menyentuh tentang hubungan tradisi Patani-Johor sepanjang tiga kurun, sering kali berubah antara baik dengan dingin melalui ikatan perkahwinan kerabat diraja sebanyak tiga kali namun pernah retak melalui medan perang dingin. Walaupun hubungan berkenaan ada waktunya berlaku dingin, namun masih terjalin erat melalui penyebaran dakwah Islam, perkembangan bidang bahasa dan kesusteraan serta kebudayaan Melayu di antara rakyat jelata sehingga kekal ke hari ini.

## **RUJUKAN**

A. Samad Ahmad (Penyl.). 2008. *Sulalatus Salatin, Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Zakaria Ghazali. 1999. “Pengasas dan Kesultanan Johor”, Kertas Kerja *Majlis Polemik Sejarah Malaysia*, Sesi 14, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 18 April.

Abdul Rahman Haji Ismail & Haron Daud (Ed.). (2008). *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakian Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Andaya, L.Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728, Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bougas, W. A. (1994). *The Kingdom of Patani, between Thai and Malay Mandelas*. Bangi: Institut Alam & Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bradley, F. R. (2009). “Moral Order in a Time of Damnation: The Hikayat Patani in Historical Context”, *Journal of Southeast Asian Studies*. 40, 2: 267–93.

Buyong Adil. (1971). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim Syukri. (2002). *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jelani Harun. (2015). “Langkasuka dan Patani dalam Persuratan Melayu: Perbahasan Terhadap Tarikh Fathani (Langkasuka and Patani in Malay Literature: A Polemic on Tarikh Fathani)”, *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8, 2: 177-200.

Kassim Ahmad. (1973). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Teeuw, A. & Wyatt, D. K. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Mardiana Nordin. (2015). “Politik dan Pentadbiran Era Kesultanan Johor Sehingga Abad ke-18”. *Prosiding Persidangan Tamadun Melayu Johor: Johor Menuju Ke Arah Pusat Tamadun Melayu Serantau*. 1-26.

Mohd. Zamberi A. Malek. (2006). *Pensejarahan Patani*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohd. Zamberi A. Malek. (1994). *Patani dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Hikayat Patani: Persejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.

Nathan Porath. (2011). “The Hikayat Patani: The Kingdom of Patani in the Malay and Thai Political World”, *JMBRAS*. 84, 2: 45–65.

Siti Hawa Haji Salleh. (1992). *Hikayat Patani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.